Pembangunan Kewangan Islam

97 Pengantaraan Sektor Kewangan Islam
97 Perbankan Islam
103 Takaful
106 Merealisasikan Impak Positif Sosioekonomi Kewangan Islam
107 Pembangunan Tenaga Mahir

Pembangunan Kewangan Islam

PENGANTARAAN SEKTOR KEWANGAN ISLAM

Pelan Induk Sektor Kewangan 2001 telah menggariskan strategi yang menyeluruh untuk mengukuhkan sektor kewangan Islam di Malaysia. Sejak pelaksanaan pelan tersebut, ekosistem kewangan Islam telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam usaha memenuhi keperluan ekonomi negara yang terus berkembang (Gambar Rajah 4.1). Dalam persekitaran ekonomi yang semakin mencabar, institusi perbankan Islam dan takaful terus berdaya tahan, dengan penampan kewangan yang kukuh.

Jumlah aset industri perbankan Islam meningkat 8.3% pada tahun 2016 (2015: 11.5%) untuk mencakupi 28% daripada keseluruhan aset sistem perbankan (2015: 26.8%). Aktiviti pengantaraan turut berkembang dengan pertumbuhan pengantaraan pelaburan yang menggalakkan. Industri takaful juga mengekalkan pertumbuhannya dengan catatan sumbangan takaful bersih yang lebih tinggi sebanyak RM7.5 bilion pada tahun 2016 (2015: RM 6.8 bilion), mencakupi 14.6% daripada jumlah premium dan sumbangan industri.

Pembangunan industri kewangan Islam bagi tempoh dua tahun akan datang lebih tertumpu pada usaha meningkatkan kepelbagaian pengantaraan yang dipacu oleh teknologi, untuk mengekalkan kadar pertumbuhan perniagaan dan tawaran nilai yang lebih baik kepada pelanggan. Dalam hal ini, Bank akan mengadakan interaksi dan perbincangan yang intensif dengan industri untuk menggalakkan pelaksanaan kontrak Syariah yang lebih inovatif dalam instrumen pendanaan, pembiayaan dan pelaburan. Bagi menyokong aktiviti perdagangan dan perniagaan, aspek perlindungan takaful dan pengurusan risiko akan diberikan penekanan melalui inisiatif kerjasama yang melibatkan institusi yang berkaitan. Dalam memenuhi permintaan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan berlandaskan Syariah, institusi kewangan Islam hendaklah memainkan peranan yang lebih besar dalam pengantaraan berasaskan nilai (value-based intermediation) dengan memberikan sumbangan yang lebih bermakna ke arah pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih luas. Wawasan sektor kewangan Islam juga disokong oleh transformasi lanskap pendidikan kewangan Islam untuk menangani keperluan tenaga mahir industri.

PERBANKAN ISLAM

Prestasi sektor perbankan Islam


Pembiayaan industri perbankan Islam meningkat 11% kepada RM549.5 bilion pada tahun 2016, didorong oleh permintaan terhadap produk kewangan berlandaskan Syariah daripada sektor isi rumah. Hampir 61% daripada jumlah pembiayaan yang dikeluarkan oleh industri perbankan Islam telah disalurkan kepada sektor isi rumah (2015: 61.6%). Permintaan terhadap pembiayaan berlandaskan Syariah daripada segmen runcit dijangka terus memacu pertumbuhan industri perbankan Islam, berikutan peningkatan penerimaan pengguna dan daya saing produk dan perkhidmatan kewangan Islam.

Meskipun perniagaan menghadapi persekitaran ekonomi yang mencabar, pembiayaan kepada sektor perniagaan meningkat 13.3%, melebihi kadar pertumbuhan pembiayaan kepada sektor isi rumah. Pembiayaan adalah menyeluruh dengan 10.4% daripada jumlah pembiayaan telah disalurkan kepada sektor pendidikan, kesihatan, perkilangan dan pertanian. Menjelang tahun 2020, pembiayaan berlandaskan Syariah dijangka mencakupi 40% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan di Malaysia.

Akaun pelaburan (investment account, IA) terus berkembang pada tahun 2016 sebagai sumber pendanaan baharu untuk bank-bank Islam. Ciri-ciri perkongsian risiko IA dijangka dapat menyokong

Gambar Rajah 4.1

Perbankan Islam dan Takaful: Sepintas Lalu




[1] termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4.1

Akaun Pelaburan berbanding Jumlah Keseluruhan Deposit Islam dan Akaun Pelaburan (IDIA)



Sumber: Bank Negara Malaysia

keusahawanan melalui pengaturan yang lebih cekap bagi pengantaraan pelaburan oleh industri perbankan Islam. IA yang diurus oleh bank-bank Islam meningkat kepada RM73.7 bilion untuk mencakupi 12.2% daripada jumlah deposit Islam dan IA dalam sistem perbankan Islam (2015: RM47.1 bilion, 8.6%) (Rajah 4.1). Penerimaan tawaran nilai akaun pelaburan oleh pelabur runcit telah membuka peluang kepada sektor perbankan Islam untuk membangunkan produk-produk inovatif yang boleh memenuhi permintaan ini.

Akaun pelaburan berkembang mencakupi 12.2% dan bertindak sebagai sumber pendanaan baharu

Permodalan industri perbankan Islam kekal kukuh sepanjang tahun 2016. Pada akhir tahun 2016, nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal (TCR) mencatat peratusan melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 13%, 13% dan 16.6% (2015: 12.3%, 12.3%, 16.1%).

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan

Memperkukuh daya tahan institusi dan kestabilan sistem

Sepanjang tahun 2016, perkembangan pengawalseliaan dalam bidang kewangan Islam tertumpu pada: (i) memuktamadkan terbitan enam piawaian Syariah tambahan; (ii) melaksanakan kajian semula ke atas Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah; (iii) melaksanakan piawaian modal dan mudah tunai bagi bank-bank Islam; dan (iv) menyediakan panduan dan penjelasan lanjut berhubung dengan olahan pengawalseliaan untuk produk IA.

Gambar Rajah 4.2

Elemen dan Matlamat Utama Kontrak Syariah yang Dikehendaki

Tarikh Kuat Kuasa	1 Januari 2018	1 Julai 2018	31 Julai 2018	1 Ogos 2018
Kontrak Syariah	*Kafalah*	*Wakalah*	*Wadi'ah* *Hibah* *Qard*	*Ijarah*
Pelaksanaan	Jaminan bank, surat kredit tunggu sedia dan instrumen jaminan lain	Akaun pelaburan, pembiayaan dan surat kredit	Deposit Islam, kad kredit-i dan pembiayaan	Pembiayaan
Elemen Penting	• Perbezaan antara hak dengan tanggungjawab penjamin dan benefisiari adalah lebih jelas	• Keupayaan bank-bank Islam sebagai ejen pemerolehan aset atau pengurus pelaburan adalah lebih jelas	• Larangan memberikan manfaat kontraktual dan penzahiran kadar penunjuk *hibah* untuk deposit Islam yang berasaskan *qard*	• Pemilikan aset sepanjang tempoh sewaan serta hak dan liabiliti pihak-pihak berkontrak di bawah *ijarah* adalah lebih jelas
Matlamat	• Perlindungan untuk penjamin diperkukuh	• Tadbir urus dan kebertanggungjawaban fidusiari bank-bank Islam diperkukuh	• Amalan perniagaan dan pasaran untuk peminjam dan pemberi pinjaman *qard* diperkukuh	• Melindungi kepentingan penyewa dan pemberi sewa

Sumber: Bank Negara Malaysia

Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi

Keputusan Syariah oleh Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) yang dikuatkuasakan melalui Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi bertujuan untuk menggalakkan pengurusan risiko yang berkesan dalam perniagaan kewangan Islam. Sejak tahun 2014, lima Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi termasuk *Murabahah*, *Mudarabah* dan *Istisna`* telah dilaksanakan sebagai panduan bagi pelaksanaan kontrak Syariah dalam produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Enam Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi tambahan telah dikeluarkan pada tahun 2016 seperti yang digariskan dalam Gambar Rajah 4.2.

Bank akan mengeluarkan tiga lagi piawaian Syariah pada tahun 2017, iaitu *Wa`d*, *Rahn* dan *Bai` al-Sarf*, sekali gus melengkapkan ikhtisar piawaian pengawalseliaan untuk kontrak Syariah bagi perniagaan kewangan Islam.

Tadbir urus Syariah

Kajian semula Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah telah dilaksanakan oleh Bank pada suku pertama tahun 2016 untuk mengambil kira industri perbankan Islam dan takaful yang lebih matang dan sedang berkembang pesat di Malaysia. Kajian semula ini menekankan pertimbangan tadbir urus Syariah yang lebih bersepadu dengan strategi perniagaan dan risiko institusi kewangan Islam, di samping mengukuhkan proses membuat keputusan oleh fungsi-fungsi utama yang bertanggungjawab dalam tadbir urus Syariah.

Kajian semula dasar difokuskan pada empat aspek utama:

- menjelaskan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah serta interaksi dengan Jawatankuasa Syariah tentang perkara berkaitan tadbir urus Syariah;
- mempertingkatkan komposisi dan proses membuat keputusan (seperti metodologi dan kuorum) Jawatankuasa Syariah;
- memperkukuh pertahanan tiga barisan (three lines of defences) dalam mengurus risiko ketidakpatuhan Syariah dan memperjelas kebertanggungjawaban untuk pelaksanaan keputusan Syariah; dan
- mengukuhkan peranan sokongan fungsi Syariah pada peringkat institusi, termasuk meningkatkan kualiti penyelidikan Syariah untuk menggalakkan operasi perniagaan yang berlandaskan Syariah secara menyeluruh.

Pada tahun 2016, Bank juga telah mencadangkan penambahbaikan terhadap Laporan Jawatankuasa Syariah untuk perbincangan lanjut. Selain memperuntukkan keperluan Jawatankuasa Syariah untuk

Gambar Rajah 4.3

Penyesuaian Keperluan Modal dan Mudah Tunai dalam Perbankan Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia

mengeluarkan pandangan berhubung pematuhan Syariah oleh institusi masing-masing, penambahbaikan ini juga bertujuan meningkatkan kualiti pendedahan berkaitan pengurusan risiko pematuhan Syariah oleh institusi kewangan Islam. Bank akan mengeluarkan satu Kertas Konsep yang menggariskan cadangan perubahan ini kepada Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah pada separuh pertama tahun 2017.

Pelaksanaan piawaian modal dan mudah tunai


Piawaian kehematan dan amalan pasaran yang terpakai bagi institusi kewangan Islam adalah selaras dengan piawaian dan amalan terbaik pada peringkat global. Ini termasuk piawaian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision, BCBS) dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB). Dalam hal ini, Bank sentiasa memastikan bahawa piawaian tersebut mampu menangani risiko yang berkaitan dengan ciri-ciri utama pelbagai kontrak Syariah melalui panduan lanjut dalam piawaian pada peringkat domestik. Sebagai contoh, Gambar Rajah 4.3 menerangkan keperluan berkaitan Syariah dalam piawaian modal dan mudah tunai yang kini sedang dikaji semula untuk menggambarkan kontrak Syariah yang baru dikeluarkan.

Rangka kerja Akaun Pelaburan

Peranan keusahawanan dalam kalangan bank Islam terus diperkasakan melalui Rangka kerja Akaun Pelaburan (Investment Account Framework, IAF), yang diperkenalkan pada tahun 2014, bagi menyokong

Rajah 4.2a

Komposisi Pembiayaan Mengikut Kontrak Syariah




Nota: "Lain-lain" termasuk konsep pembiayaan Islam yang tidak dinyatakan, *bai` dayn, bai` salam, bai` al-sarf, istisna`, kafalah, mudarabah, qard, rahn, ujrah, wakalah*

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4.2b

Perubahan dalam Aplikasi Kontrak Syariah



Sumber: Bank Negara Malaysia

pengantaraan pelaburan oleh bank-bank Islam dengan memanfaatkan dana untuk kegunaan produktif dalam ekonomi. IAF memberikan panduan berhubung dengan operasi IA dengan mengambil kira ciri-ciri risiko yang unik bagi IA berbanding dengan deposit Islam yang dijamin prinsipalnya.

Berdasarkan amalan yang berbeza-beza dalam operasi IA, Bank telah menyediakan panduan tambahan kepada industri berhubung dengan penstrukturan produk, pengurusan operasi dan amalan perniagaan dalam penawaran produk IA. Panduan ini menyelaraskan ciri-ciri produk IA (seperti jenis aset pendasar dan keanjalan penebusan) dengan lebih dekat kepada matlamat pelaburan yang disasarkan. Panduan ini juga bertujuan untuk mengukuhkan pengurusan dana IA agar dapat melindungi kepentingan pelabur dengan lebih baik, khususnya dengan menghendaki bank-bank Islam menambah baik proses untuk menjalankan penilaian terhadap kesanggupan pelanggan mengambil risiko pelaburan sebelum apa-apa saranan pelaburan dibuat kepada bakal pemegang IA.

Perkembangan dalam sektor perbankan Islam

Memperluas peranan pengantaraan sektor perbankan Islam

Satu perkembangan penting dalam pelaksanaan kontrak Syariah untuk pembiayaan oleh industri perbankan Islam ialah peningkatan pelaksanaan *tawarruq* dalam tempoh

tiga tahun yang lalu (Rajah 4.2). Pada tahun 2016, pembiayaan *tawarruq* meningkat lebih 34% mencakupi 22.4% daripada jumlah terkumpul pembiayaan berlandaskan Syariah. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya telah didorong oleh operasi dagangan komoditi Bursa Suq Al-Sila yang telah mengurangkan kos dan risiko yang berkaitan dengan urus niaga berasaskan *tawarruq*. Deposit Islam berasaskan *tawarruq* juga meningkat pada kadar 7.5% pada tahun 2016, menggambarkan permintaan yang lebih tinggi terhadap pulangan kadar tetap bagi deposit yang ditawarkan berasaskan kontrak *tawarruq*.

Usaha untuk mengukuhkan keupayaan institusi perbankan Islam dalam mengurus risiko kredit dan pasaran semakin dipergiat sejajar dengan peningkatan penggunaan *tawarruq* sebagai kontrak pendasar bagi perniagaan perbankan Islam. Perkembangan ini akan menjadi asas inovasi pelaksanaan *tawarruq* dengan gabungan kontrak Syariah yang lain. Perkara ini diperuntukkan di bawah Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi *Tawarruq* yang telah dikeluarkan oleh Bank, berkuat kuasa pada 1 Julai 2016.

Penggunaan kontrak Syariah secara inovatif, termasuk kontrak perkongsian, amat penting untuk memenuhi kepelbagaian keperluan pelaburan dan pendanaan sesebuah ekonomi. Sehubungan dengan itu, Bank terus bekerjasama dengan industri dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk memperluas pelaksanaan kontrak Syariah. Usaha ini termasuk menangani isu-isu perundangan, menjelaskan olahan percukaian dan perakaunan, dan meningkatkan kecekapan operasi serta kos untuk kontrak-kontrak yang berasaskan pertukaran dan perkongsian risiko. Usaha ini perlu diperlengkap dengan model-model operasi yang sesuai dilaksanakan di dalam sesebuah institusi kewangan Islam. Perkara ini akan terus menjadi fokus penyeliaan yang penting bagi Bank untuk memelihara integriti sistem kewangan Islam.

Penggunaan pelbagai kontrak Syariah secara inovatif adalah penting untuk memenuhi keperluan pelaburan dan pendanaan

Peningkatan Pengantaraan Berteraskan Teknologi

Tahun 2016 telah menyaksikan kemajuan dalam penggunaan teknologi oleh industri perbankan Islam untuk meningkatkan kecekapan aktiviti pengantaraan, khususnya melalui operasi Platform Akaun Pelaburan (IAP) pada bulan April 2016. Walaupun pelaksanaan platform yang dibangunkan oleh konsortium yang diwakili enam buah institusi perbankan Islam ini masih pada peringkat rintis, ia telah pun membantu dalam aktiviti pemerolehan dana berjumlah RM20 juta pada tahun 2016 untuk menyokong pelbagai usaha perniagaan dalam industri yang berbeza, termasuk pengangkutan dan pendidikan. Struktur penawaran pendanaan dan pembiayaan oleh institusi perbankan Islam yang dipermudah melalui IAP ini buat masa ini tertumpu pada penggabungan kontrak *wakalah* atau *mudarabah* dengan kontrak berasaskan hutang seperti *tawarruq*. Walau bagaimanapun, kepelbagaian struktur penawaran dijangka akan lebih terzahir pada masa hadapan sejajar dengan perkembangan potensi IAP dari aspek peningkatan jangkauan dan kecekapan perantaraannya.

Sebagai pengantara pelaburan, institusi perbankan Islam sebagai bank penaja berperanan penting dalam fungsi penilaian daya maju dan pemantauan risiko sesebuah projek yang diapungkan dalam IAP, sekali gus meningkatkan keyakinan pelabur. Hal ini seterusnya akan meningkatkan prospek untuk memanfaatkan sumber pendanaan yang lebih luas di samping mendapat manfaat daripada disiplin pasaran yang lebih kukuh yang diamalkan oleh bank-bank Islam, khususnya bagi segmen yang kurang diberikan perhatian dalam ekonomi, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS).


Sepanjang tahun 2016, Bank terus bekerjasama dengan bank-bank penaja dan agensi-agensi berkaitan yang diamanahkan untuk membangunkan usaha niaga tertentu seperti Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Perbadanan BioEkonomi, dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC). Usaha ini bertujuan menggalakkan lebih banyak penglibatan usaha niaga yang berdaya maju dalam memanfaatkan pendanaan pelaburan melalui IAP. Pada masa yang sama, usaha berterusan oleh Bank dan industri untuk meningkatkan kesedaran dan keserasian dengan ciri-ciri istimewa IA sebagai produk pelaburan baharu turut mengambil kira penglibatan para pelabur utama yang telah membiayai beberapa usaha niaga yang diapungkan dalam IAP.

Pemudahan pembiayaan perdagangan

Satu aspek pembangunan penting yang diberikan keutamaan ialah pemudahan pembiayaan perdagangan memandangkan masih banyak peluang perniagaan

Rajah 4.3

Pembiayaan Perdagangan oleh Bank-bank Islam di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

yang belum diterokai oleh industri perbankan Islam. Dengan memanfaatkan prinsip-prinsip intrinsik Syariah yang menggalakkan perdagangan dan keusahawanan, industri perbankan Islam berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong pertumbuhan yang mampan bagi aktiviti ekonomi yang produktif. Potensi pembiayaan perdagangan adalah signifikan untuk menyokong eksport halal. Ini dapat dilihat melalui pertambahan penyertaan PKS dalam ekonomi halal yang telah dimulakan oleh Kerajaan bagi memenuhi permintaan terhadap produk dan perkhidmatan halal pada peringkat global yang semakin meningkat. Industri kewangan Islam pada masa ini mewakili hanya 3.4% daripada jumlah pembiayaan perdagangan, dan kurang daripada satu pertiga daripada jumlah keseluruhan pembiayaan perdagangan melalui sistem perbankan (Rajah 4.3). Bank berhasrat untuk melihat pembiayaan perdagangan berlandaskan Syariah menyokong 10% daripada jumlah perdagangan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Pemudahan pembiayaan perdagangan sudah bersedia menghadapi gangguan teknologi (technology disruption)

Salah satu cabaran yang dihadapi oleh industri perbankan ialah ketidakcekapan proses yang menjurus ke arah peningkatan risiko operasi. Penggunaan teknologi yang semakin meluas untuk menyelaraskan operasi pembiayaan perdagangan oleh bank, termasuk bank-bank Islam, sekali gus dapat mengurangkan pergantungan pada proses perniagaan berteraskan dokumentasi secara manual. Enam buah bank Islam telah menubuhkan satu platform berasaskan laman sesawang yang menyokong penyediaan pembiayaan perdagangan dan penyelesaian pengurusan modal kerja yang lebih cekap. Bagi menggalakkan peranan bank-bank Islam yang lebih luas dalam pemudahan pembiayaan perdagangan, Bank merancang untuk mengadakan perbincangan dengan industri berhubung pelbagai inisiatif pada separuh pertama tahun 2017, termasuk integrasi dan pendigitalan penawaran pembiayaan perdagangan serta meningkatkan ketersediaan takaful kredit perdagangan sebagai instrumen pengurangan risiko. Inisiatif tersebut bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan dalam pemudahan pembiayaan perdagangan dan kesalinghubungan dengan komuniti perdagangan di Malaysia pada separuh pertama tahun 2017.

TAKAFUL

Prestasi sektor takaful

Sumbangan kasar perniagaan takaful keluarga baharu meningkat 12.5% pada tahun 2016, mencakupi 76.2% daripada jumlah perniagaan takaful di Malaysia (2015: 74.9%). Produk bertempoh, yang sebahagian besarnya terdiri daripada produk berkaitan dengan pembiayaan, merupakan penyumbang terbesar kepada perniagaan takaful keluarga baharu dengan bahagiannya mencakupi 57.8% daripada jumlah kasar sumbangan takaful keluarga. Hal ini sebahagian besarnya didorong oleh peranan aktif pengendali takaful dalam menyokong skim pembiayaan perumahan yang diperkenalkan oleh Kerajaan selain perkongsian bankatakaful yang meluas. Permintaan terhadap produk takaful yang berkaitan dengan pembiayaan berlandaskan Syariah kekal menjadi pendorong utama pertumbuhan industri takaful. Walau bagaimanapun, beberapa faktor lain turut menjadi

lebih penting dengan bahagian perniagaan bertempoh mencatat penurunan sebanyak 10.5% (2012: 68.3%) sejak lima tahun lalu. Sebahagian daripada penurunan ini juga menggambarkan pertumbuhan pembiayaan isi rumah yang kurang memberangsangkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Sebaliknya, pertumbuhan perniagaan berkaitan pelaburan semakin bertambah, dengan sumbangan meningkat 13.1% pada tahun 2016.


Bilangan produk takaful baharu yang diperkenalkan dalam pasaran meningkat kepada 55 berbanding dengan 18 pada tahun 2015, dan ini menunjukkan bahawa industri lebih responsif terhadap perubahan permintaan. Contoh yang ketara, permintaan terhadap produk yang menyediakan manfaat berkaitan kematian (khairat), haji dan pendidikan telah menggalakkan lebih banyak pengendali takaful mengembangkan segmen perniagaan ini sejak mutakhir ini.

Dalam sektor takaful am, segmen perniagaan motor, kebakaran dan kemalangan diri mencakupi 91.4% daripada jumlah kasar sumbangan takaful am. Meskipun sektor ini mencatat pertumbuhan keseluruhan sebanyak 4.6% pada tahun 2016, penawaran beberapa jenis produk telah berkurang sejak beberapa tahun lalu. Pengurangan ini disebabkan oleh langkah yang diambil oleh beberapa pengendali takaful yang sedang merencana semula fokus perniagaan dan memantapkan amalan pengunderaitan untuk risiko yang lebih besar dan kompleks termasuk risiko liabiliti dan marin, penerbangan dan transit. Bagi tempoh jangka sederhana, peluang terbuka luas untuk pertumbuhan produk takaful yang menyokong aktiviti perniagaan, khususnya produk untuk memenuhi keperluan PKS. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Bank pada tahun 2015, 59% responden daripada PKS menyatakan bahawa mereka telah memilih sama ada untuk menggunakan produk takaful, atau akan mempertimbangkan secara serius untuk membeli produk takaful yang memenuhi keperluan perniagaan mereka pada harga yang kompetitif. Hasil kaji selidik ini menunjukkan potensi pasaran dan peluang yang luas untuk industri takaful mengembangkan skop perlindungan melangkaui risiko tradisional yang dilindungi di bawah kelas motor dan kebakaran sedia ada.

Perniagaan takaful semula terus berkembang dengan peningkatan jumlah takaful keluarga dan takaful am tersid (ceded) yang diunderait oleh pengendali takaful semula profesional, meskipun pada kadar yang lebih rendah sebanyak 6% pada tahun 2016 (2015: 27.6%). Di bawah Rangka Kerja Operasi Takaful (Takaful Operational Framework, TOF) yang dilaksanakan pada tahun 2012, pengendali takaful dikehendaki menggunakan pengaturan takaful semula yang berlandaskan Syariah dan hanya boleh mengesid perniagaan kepada penanggung insurans atau penanggung insurans semula konvensional dalam keadaan tertentu, termasuklah apabila keupayaan takaful semula sedia ada untuk sesetengah risiko sukar didapati (Rajah 4.4). Pengendali takaful semula juga telah menambah bahagian perniagaan asing yang diunderait di luar Malaysia, masing-masing mencakupi 28.5% dan 32.6% daripada jumlah perniagaan yang diunderait dalam perniagaan takaful semula keluarga dan am. Hal ini akan meningkatkan

Rajah 4.4a


Trend Pengesidan (Ceding) Perniagaan Takaful Keluarga



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4.4b

Trend Pengesidan (Ceding) Perniagaan Takaful Am



Sumber: Bank Negara Malaysia

kepelbagaian risiko di samping meningkatkan kecekapan skala (efficiencies of scale) untuk menyokong pelaburan pada masa hadapan yang seterusnya mengukuhkan lagi sokongan teknikal dan kewangan industri.

Permodalan industri takaful kukuh dengan nisbah kecukupan modal agregat sebanyak 205.3% pada tahun 2016 (2015: 191.5%). Paras ini jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum sebanyak 130%.

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan


Pelaksanaan piawaian kehematan bagi takaful

Piawaian kehematan dan amalan pasaran yang terpakai bagi pengendali takaful adalah selaras dengan piawaian global yang dikeluarkan oleh IFSB dan Persatuan Pengawal Selia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors, IAIS). Dalam masa yang sama, piawaian yang terpakai turut menggambarkan ciri-ciri unik model operasi takaful. Sejak tahun 2011, Bank telah mengeluarkan piawaian takaful yang khusus berhubung dengan penilaian dan permodalan untuk merangkumi tanggungjawab pengendali takaful terhadap dana takaful yang dimiliki oleh peserta takaful (Gambar Rajah 4.4). Pada bulan April 2016, Bank telah mengeluarkan keperluan yang menghendaki pengendali takaful menyediakan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP). Keperluan ini merupakan tambahan kepada piawaian modal minimum bagi memastikan dana takaful mempunyai modal yang mencukupi berbanding dengan profil risiko mereka yang tertentu, berdasarkan program pengurusan modal yang mantap yang dilaksanakan oleh pengendali takaful.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif yang berterusan untuk menggalakkan pelaksanaan

Gambar Rajah 4.4

Penyesuaian Keperluan Penilaian dan Modal bagi Takaful



Sumber: Bank Negara Malaysia

rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah dengan berkesan, Bank juga telah melaksanakan kajian semula TOF untuk menjelaskan lagi penggunaan piawaian Syariah (termasuklah piawaian *Wakalah*, *Qard* dan *Hibah* yang dikeluarkan baru-baru ini) oleh pengendali takaful dalam rangkaian produk yang ditawarkan dan rangka kerja operasi mereka. Seterusnya, ini dijangka menggalakkan kepelbagaian produk takaful yang memenuhi profil risiko dan permintaan peserta takaful yang berbeza. Antara aspek yang dikaji semula ialah keperluan pengawalseliaan berkaitan dengan pengasingan dana takaful, ganjaran pengendali takaful dan tanggungjawab fidusiari mereka dalam pengurusan dana takaful. Kertas Konsep berhubung dengan cadangan semakan TOF dijangka dikeluarkan pada suku kedua tahun 2017.

Strategi untuk menaik nilai sumbangan industri termasuk kemampanan, kepelbagaian, kecekapan dan mutu institusi


MEREALISASIKAN IMPAK POSITIF SOSIOEKONOMI KEWANGAN ISLAM

Kewangan Islam, yang berteraskan prinsip Syariah, mempunyai potensi yang besar untuk menzahirkan tawaran nilai dari segi pembangunan ekonomi dan sosial. Dalam hal ini, Bank, dengan kerjasama industri, giat meneruskan strategi untuk merealisasikan impak positif ini. Langkah yang diambil secara amnya menjurus pada empat dimensi: menggalakkan kemampanan, mutu institusi, keterangkuman dan kepelbagaian, serta kecekapan pengantaraan kewangan Islam. Pada masa hadapan, penilaian kesan kewangan Islam terhadap ekonomi dan masyarakat mengikut setiap dimensi ini akan diberikan tumpuan utama dalam menentukan keutamaan pembangunan dan pengawalseliaan (Gambar Rajah 4.5).

Langkah-langkah untuk menilai kesan kewangan Islam terhadap ekonomi dan masyarakat sedang dirangka oleh Bank, dengan kerjasama industri

Gambar Rajah 4.5

Penilaian Pengantaraan yang Berkesan bagi Merealisasikan Impak Sosioekonomi Kewangan Islam yang Dihasratkan pada Masa Hadapan




Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2016, Bank telah menerajui dan menyokong beberapa inisiatif pada peringkat industri untuk merealisasikan pengantaraan berasaskan nilai (value-based intermediation) sebagai teras utama produk kewangan Islam, sejajar dengan usaha untuk menggalakkan inovasi tawaran produk.

- Bank sedang bekerjasama dengan industri dan pihak berkepentingan dalam membangunkan rangka kerja *Corporate Value Intent* (CVI) untuk membantu bank-bank Islam melaksanakan amalan berasaskan nilai (value-based practices) yang berlandaskan matlamat Syariah. Ini sejajar dengan aspirasi agar institusi kewangan Islam menilai dan mengurus impak aktiviti mereka terhadap ekonomi dan masyarakat. Rangka kerja ini bertujuan menggalakkan penzahiran berkualiti tinggi oleh institusi kewangan Islam berhubung dengan hasrat, strategi dan prestasi perniagaan mereka, dengan memberikan tumpuan pada cara bank-bank Islam menjana nilai untuk pemegang saham dan masyarakat keseluruhan. Kerjasama strategik tersebut sedang giat dilaksanakan untuk mengeluarkan Kertas Strategi CVI pada separuh pertama tahun 2017.
- Pada peringkat negeri, beberapa inisiatif telah diterajui oleh institusi kewangan Islam dengan kerjasama pihak Majlis Agama Islam Negeri, termasuklah pengenalan wakaf tunai untuk membiayai aktiviti wakaf di samping turut memanfaatkan aset wakaf dengan berkesan. Pada masa ini, lima buah institusi kewangan Islam dan Majlis Agama Islam Negeri yang terlibat sedang menghasilkan perjanjian induk wakaf tunai untuk dijadikan templat operasi pengaturan wakaf tunai. Pada tahun 2016, inovasi berkaitan turut melibatkan pengenalan kad debit Islam baharu dengan ciri wakaf serta platform untuk mendapatkan dana daripada orang ramai menerusi internet (crowdfunding) yang memudahkan penyaluran derma kepada pertubuhan amal dengan ketelusan, keupayaan mengesan dan kecekapan yang lebih baik. Wakaf juga sedang dikaji semula sebagai bidang pertumbuhan baharu untuk menjana pendanaan yang mampan bagi tujuan kebajikan masyarakat (Gambar Rajah 4.6).
- Festival Inovasi Kewangan Islam (Islamic Finance Innovation Festival, IF InnoFest) telah dianjurkan oleh Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) dengan sokongan Bank dan persatuan industri pada bulan November 2016 untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara industri dengan ahli akademik bagi menjalin idea inovatif dengan penyelesaian industri yang praktikal. Festival ini menyediakan platform untuk perniagaan menyumbangkan idea inovatif kepada institusi kewangan Islam, dengan tujuan mengenal pasti penyelesaian yang boleh dilaksanakan untuk menghasilkan manfaat yang jelas dalam penawaran produk. Idea yang disumbangkan meliputi penyelesaian yang menjangkau pasaran modal Islam, mikrokewangan dan teknologi kewangan.

Gambar Rajah 4.6

Dimensi Kewangan Sosial bagi Kewangan Islam di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR

Bank terus memberikan keutamaan pada pembangunan tenaga mahir yang berkualiti tinggi untuk kewangan Islam. Pada bulan November 2016, Jawatankuasa Pemandu bagi Transformasi Landskap Pendidikan untuk Kewangan Islam (Jawatankuasa Pemandu) dibentuk untuk merangka hala tuju strategik yang jelas yang diterajui oleh industri untuk penyedia perkhidmatan tenaga mahir di Malaysia. Pada masa ini, tumpuan adalah terhadap INCEIF, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (International Shariah Research Academy, ISRA), Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, IBFIM), Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam (Chartered Institute of Islamic Finance Professionals, CIIF) dan Persatuan Penasihat Syariah (Association of Shariah Advisors, ASAS). Setiap institusi ini mempunyai mandat,

peranan dan tumpuan yang tersendiri untuk memacu inisiatif pembangunan tenaga mahir dalam landskap pendidikan perkhidmatan kewangan secara keseluruhan.

Jawatankuasa Pemandu bertanggungjawab untuk menjalankan kajian semula yang terperinci terhadap institusi-institusi ini dengan tujuan untuk mengenal pasti cabaran dalam landskap pendidikan kewangan Islam dan merumuskan saranan strategik dalam mengukuhkan lima buah institusi tersebut. Antara skopnya termasuk strategi untuk memastikan penawaran oleh institusi adalah berkualiti tinggi, penambahbaikan kepada pengaturan institusi untuk meningkatkan keberkesanan, penyusunan strategi masa hadapan bagi mengukuhkan tumpuan institusi dan memanfaatkan sinergi, serta langkah untuk mencapai kemampanan kewangan jangka panjang. Pada suku kedua tahun 2017, Jawatankuasa Pemandu dijangka merangka hala tuju untuk mengubah landskap pendidikan kewangan Islam pada masa hadapan.

Pada tahun 2016, Bank juga membangunkan dua program latihan khusus untuk kakitangan Syariah dan pengurusan atasan di bank-bank Islam. Program Pendidikan Kepemimpinan Syariah yang dilancarkan pada bulan Mac 2015 dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Icliff (Iclif Leadership and Governance Centre, ICLIF) merupakan program utama yang dirangka untuk cendekiawan Syariah melengkapkan kepakaran bidang Syariah mereka yang sedia ada. Program ini akan ditawarkan pada peringkat antarabangsa pada tahun 2017. Bagi ahli lembaga pengarah institusi kewangan Islam, program yang akan memberi ahli lembaga pengarah asas yang kukuh dalam pengetahuan Syariah dan penggunaan perniagaannya akan diperkenalkan pada separuh pertama tahun 2017.

Selain tenaga mahir yang diperlukan dalam industri perbankan Islam dan takaful, pemimpin dalam sektor perkhidmatan sokongan profesional juga memainkan peranan penting untuk memajukan pembangunan kewangan Islam. Contohnya, dalam bidang perakaunan, Malaysian Institute of Accountants (MIA) telah memulakan program untuk menghasilkan ahli perakaunan profesional yang mempunyai kepakaran khusus dalam kewangan Islam. Bank akan terus memberikan sokongan kepada usaha ini sebagai sebahagian daripada mandat Bank untuk menggalakkan sistem dwikewangan yang kukuh dan progresif di Malaysia.

Bank juga telah menerbitkan Manual Tenaga Pengajar bagi Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi pada bulan Ogos 2016 untuk menyokong pengajaran disiplin kewangan Islam di institusi pengajian tinggi. Manual Tenaga Pengajar ini dirangka berdasarkan Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi Bank dan berperanan sebagai sumber rujukan pembelajaran praktikal sedia ada untuk pelajar institusi pengajian tinggi merangkumi isu teknikal, amalan pasaran dan perkembangan industri. Manual ini boleh digunakan oleh ahli akademik untuk menyesuaikan kontrak Syariah dan penggunaannya dalam sukatan pelajaran akademik sedia ada. Manual Tenaga Pengajar yang pertama mengandungi Piawaian Syariah *Murabahah*, manakala manual piawaian Syariah yang lain masih dalam perancangan dan akan dirangka secara berperingkat-peringkat dalam tempoh tiga tahun akan datang.